

SEJARAH AWAL PENTADBIRAN SEKOLAH AGAMA JOHOR

Fadilah Zaini, Irmawati Norazman*

Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: irmawati@utm.my

Received: 9 May 2020
Received in revised form: 31 May
Accepted: 31 May 2020
Published : 15 June 2020

Abstrak

Objektif artikel ini adalah untuk meneroka tentang sejarah awal pentadbiran Sekolah Agama Johor (SAJ) yang melibatkan peranan Majlis Agama dan Jawatankuasa Pelajaran Agama, pentadbiran SAJ oleh Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan juga sekolah agama kampung, hal pengambilan pelajar, kewajipan anak Johor untuk belajar agama, darjah khas sekolah agama dan peranan pemeriksa serta penolong pemeriksa sekolah agama Johor. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pihak arkib untuk mengkaji dokumen-dokumen asal yang berkaitan sebagai sumber utama dan turut merujuk buku serta artikel yang berkaitan bagi memantapkan lagi kajian ini. Selaras dengan hasrat pemerintah negeri Johor yang mahukan sekolah agama menjadi wadah mendidik anak bangsa Johor menjadi masyarakat yang berguna, maka usaha memantapkan sekolah agama sewajarnya diteruskan bagi melahirkan masyarakat yang celik ilmu pengetahuan dan mengamalkan cara hidup Islam yang syumul.

Katakunci: *Sekolah Agama Johor, Jabatan Agama Johor*

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■ 1.0 PENGENALAN

Undang-undang Tubuh Negeri Johor (1895) telah mewartakan agama Islam sebagai agama rasmi negeri Johor. Pengisytiharan ini menunjukkan komitmen pentadbir negeri dalam menjadikan agama Islam sebagai panduan dan cara hidup. Perkembangan pendidikan agama Islam di Johor secara formalnya telah bermula sejak di Teluk Belangah yang merupakan pusat pemerintahan Kesultanan Johor sebelum tahun 1866. Berdasarkan penulisan Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al-Jauhari (2007), suasana pendidikan kelas di Teluk Belangah yang dinyatakan oleh Mohd Salleh Perang hampir menyamai pendidikan tradisi yang wujud di Muar. Minat para penuntut di Johor dalam bidang agama untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Asia Barat seperti Mesir, Mekah dan Yaman dipengaruhi oleh perkembangan sistem pendidikan agama di negeri ini yang bermula dengan Sekolah Quran, Sekolah Kitab, Sekolah Agama Petang dan Sekolah Agama Rakyat iaitu Sekolah Arab (Fail No. Menteri Besar 93/47).

Perkembangan awal pendidikan agama Islam di Johor bermula dengan penubuhan Sekolah Quran yang menfokuskan kepada pembelajaran Al-Quran. Apabila berlakunya pertambahan mata pelajaran seperti Fekah dan Tauhid dalam sukatan pelajaran, maka namanya ditukar kepada Sekolah Kitab. Sekolah tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya (Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al-Jauhari, 2007). Kajian oleh Arbaiah Soehod dalam

Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al-Jauhari (2007) membuktikan bahawa sekolah Quran pertama ialah Sekolah Agama Kukup di daerah Pontian. Sekolah Quran telah mendapat pengakuan sebagai sekolah agama pertama di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malaya melalui Penguasa Pelajaran Johor pada tahun 1900-1941 iaitu H.R Cheesman (Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al-Jauhari, 2007).

Rekod Fail No. J/PBB1 112/17 telah menunjukkan bahawa para pelajar di Maktab Inggeris di Johor Bahru telah diwajibkan belajar di Sekolah Quran pada sesi petang iaitu setelah menamatkan sesi pembelajaran persekolahan di sekolah pada sebelah pagi. Hal ini dibuktikan dengan penulisan surat bertarikh 21 Februari 1917 oleh Jabatan Pendidikan Inggeris kepada Penasihat Inggeris Johor yang memohon agar menyusun kembali susunan jadual agar kelas bagi Sekolah Quran pelajar tidak diadakan pada waktu tengahari. Surat maklum balas daripada Penasihat Inggeris Johor bertarikh 27 Februari 1917 menerusi perbincangan bersama Timbalan Menteri Besar Johor telah mengesahkan permohonan guru Sekolah Quran untuk tidak mengadakan kelas pada waktu tengahari dan kelas Quran telah di selang selikan semasa waktu pembelajaran pada waktu pagi (Fail No.J/PBB1 112/17).Rekod ini membuktikan bahawa Sekolah Quran dijadikan asas penerapan pendidikan Islam pada peringkat awal oleh kerajaan Johor dalam kalangan masyarakat Melayu beragama Islam yang menghadapi cabaran dengan campurtangan Inggeris dalam sistem pendidikan di negeri ini.

■2.0 KAEDAH KAJIAN

Berdasarkan bidang sejarah, penelitian terhadap sumber utama merupakan sesuatu yang sangat penting kerana dijadikan rujukan oleh ahli-ahli sejarah bagi menghasilkan penyelidikan yang bermutu tinggi. Justeru itu, kajian ini telah menggunakan sumber utama ataupun primer yang melibatkan rekod-rekod kerajaan dan fail-fail rasmi yang mengandungi surat-surat asal daripada pihak arkib. Kaedah ini juga dilakukan bagi mendapatkan fakta-fakta yang tulen, benar dan boleh dipercayai. Sementara sumber sekunder seperti buku, rencana dan artikel jurnal dirujuk sebagai bahan bacaan serta rujukan untuk mendapat gambaran kajian.

■3.0 DAPATAN KAJIAN

Peranan Majlis Agama dan Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor dalam Membuat Dasar Pendidikan Agama di Negeri Johor

Berdasarkan rekod Fail No.J/KAD2 72/34, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) melalui Majlis Agama serta Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor mempunyai tanggungjawab untuk membuat dan menentukan dasar-dasar penting dalam pentadbiran dan pelaksanaan sekolah pendidikan agama Islam di Johor. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui minit mesyuarat dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama dan Jawatankuasa ini berhubung dengan kelangsungan sekolah berteraskan agama Islam. Sebagai contoh, minit mesyuarat Jawatankuasa Pelajaran Agama bertarikh 6 Februari 1934 telah membincangkan perkara-perkara penting dalam pelaksanaan Sekolah Agama Petang seperti latihan untuk para guru, pelantikan guru yang telah lulus Darjah V dan pembelian kitab-kitab untuk pengajaran di sekolah (Fail No.J/KAD2 72/34).

Justeru itu, kerajaan negeri Johor telah mengiktiraf pendidikan agama ini sebagai wadah yang sangat penting dalam pendidikan anak bangsa dan telah menjadikan pendidikan ini sebagai satu sistem pendidikan yang formal. Pengiktirafan ini selaras dengan perintah Sultan Ibrahim pada tahun 1918 yang mengiktiraf sistem ini yang dikenali sebagai Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor. Pengiktirafan sistem persekolahan ini mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Islam di

Johor. Malah, terdapat kawasan yang tidak mempunyai Sekolah Agama Petang tetapi sekadar mampu menyediakan Sekolah Quran dan Sekolah Kitab sahaja. Pada tahun 1927, Sekolah Agama Petang telah diletakkan dibawah pengawasan Jabatan Pelajaran Negeri Johor iaitu Bahagian Pelajaran Agama Johor. Malah, antara tahun 1926 hingga 1933 Sekolah Agama Petang telah berkembang dengan pesat sehingga mewujudkan tingkat tertinggi dalam pencapaian akademik sekolah ini iaitu Darjah Khas Sekolah Agama Johor pada tahun 1932 yang menjadi asas bagi melahirkan guru-guru sekolah agama. Perkembangan Sekolah Agama Petang negeri Johor terhenti semasa Jepun menguasai Tanah Melayu sekitar tahun 1941 hingga 1945 (Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al-Jauhari, 2007).

Rekod Fail No.JAJ 2035 menunjukkan perkembangan sistem pendidikan Tanah Melayu yang semakin kompleks menyebabkan sekolah agama menerima cabaran dalam usaha menguruskan sistem pembelajaran pendidikan agama. Sesi pembelajaran sidang pagi pada asalnya membolehkan para pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran pada sesi petang bagi sekolah agama, namun apabila terdapat sekolah Inggeris yang mengadakan sesi persekolahan pada waktu petang menyebabkan JAJ mengadakan sekolah agama sidang pagi untuk memberi peluang kepada para pelajar yang bersekolah pada sidang petang (Fail No.JAJ 2035).

Pentadbiran Sekolah Agama Johor

Apabila Perang Dunia Kedua tamat, Sekolah Agama Petang telah dibuka semula bermula pada 1 Julai 1947. Namun, pentadbiran Sekolah Agama Petang telah berpindah daripada Jabatan Pelajaran Negeri Johor kepada Jabatan Agama Johor. Rekod Fail No.J/UG7 JAJ menunjukkan Yang Dipertua JAIJ mengeluarkan pekeliling bilangan 8/47 yang menetapkan bahawa Sekolah Agama Petang baik lelaki dan perempuan telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Agama mulai 1 Julai 1947 kecuali hal yang berkaitan dengan gaji dan perbelanjaan yang masih ditadbir oleh Pejabat Pelajaran hingga penghujung tahun 1947 (Fail No.J/UG7 JAJ). Bukti rekod menunjukkan JAIJ melaksanakan dasar dan pentadbiran sekolah agama melalui satu mesyuarat yang dikenali sebagai Perjumpaan Pegawai-pegawai Sekolah Agama Lelaki dan Perempuan Johor. Rekod yang ditemui ini merupakan mesyuarat kali kedua yang membincangkan pentadbiran sekolah agama. Anggota bagi mesyuarat ini ialah Yang Dipertua JAIJ, Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor, lima orang Penolong Pemeriksa Sekolah Agama Lelaki dan Perempuan Johor dan tujuh orang Guru Pasukan Sekolah-sekolah Agama Johor. Jawatankuasa ini berperanan menentukan dasar yang membabitkan sukatan pelajaran, peperiksaan dan segala pentadbiran am sekolah agama bagi melancarkan lagi perjalanan sekolah ini (Fail No. J/UG7 JAJ).

Pengurusan gaji guru sekolah agama Johor tidak sepenuhnya ditanggung oleh JAIJ. Berdasarkan rekod Fail No.J/UG7 JAJ, sehingga tahun 1960an masih terdapat guru-guru sekolah agama bukan bertaraf tetap dan berpencen tetapi menerima gaji daripada peruntukan zakat dan kutipan derma masyarakat kampung. Justeru, pada tahun 1961 terdapat permohonan daripada masyarakat kampung melalui Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat untuk mengambil guru-guru kampung ini sebagai guru agama tetap. Oleh itu, satu senarai nama guru dan sekolah yang memerlukan guru tetap ini telah diberikan kepada Yang Dipertua JAIJ melalui surat bertarikh 17 Januari 1961. Begitu juga pada tahun 1962, terdapat usaha dan permohonan yang dilakukan oleh Penolong Pemeriksa Sekolah Agama Perempuan Johor Tengah yang menulis serta melampirkan senarai nama guru-guru yang gaji dibayar melalui zakat dan sumbangan masyarakat kampung untuk diserapkan sebagai guru bergaji tetap dan berpencen. JAIJ sentiasa berusaha untuk memberi peluang kepada guru-guru agama kampung yang dibayar gaji oleh orang kampung terutamanya untuk diserap menjadi guru tetap kerajaan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Malah, peruntukan zakat sentiasa membantu kerajaan untuk membangunkan sekolah agama di negeri ini (Fail JAJ (Pelajaran) 2/61).

Pentadbiran Guru Agama Kampung

Dapatan bahagian ini dinyatakan dalam dokumen Peringatan Kepada Guru-guru Agama Kampung dalam Pekeliling Bilangan 3/50 yang dikeluarkan pada 11 November 1950 (Fail No.J/UG7).

Permintaan yang tinggi terhadap pendidikan agama untuk generasi muda di negeri ini telah menyebabkan banyak sekolah-sekolah agama yang dibuka dan menimbulkan permasalahan kewangan untuk membayar gaji guru yang bilangannya semakin bertambah. Justeru wujud sekolah-sekolah agama yang ditadbir oleh institusi zakat dan majoriti sekolah ini berada di kampung-kampung. Masyarakat menggelarkannya Sekolah Agama Kampung, maka guru-guru yang semakin ramai yang tidak mampu ditampung gaji oleh kerajaan negeri telah dibayar gajinya oleh pihak pentadbiran zakat negeri. Oleh itu, bagi melancarkan pentadbiran gaji bagi guru agama kampung ini, JAIJ telah mengeluarkan peringatan kepada guru-guru agama kampung yang dibayar elaun oleh amanah zakat untuk menghantar dua salinan penyata pelajaran kepada pihak Naqibulzakat daerah tidak lebih 15 haribulan untuk urusan pembayaran gaji. Seterusnya, pihak Naqibulzakat daerah akan menghantar satu salinan penyata tersebut kepada Naqibulzakat Johor pada 22 haribulan bersama-sama dengan bil elaun bagi bulan tersebut. Pemantauan terhadap guru-guru agama kampung dilaksanakan oleh Pemeriksa Zakat daerah yang akan melihat keperluan guru agama yang diperlukan masyarakat kampung. Sekiranya bilangan murid kurang daripada 25 orang maka Naqibulzakat akan melaporkan kepada Yang Dipertua Jabatan Agama harus atau tidak diteruskan operasi sekolah berkenaan. Pemeriksa Zakat bertanggungjawab memeriksa pengajaran guru agama dan mesti menghantar laporan kepada Naqibulzakat bagi setiap daerah sekurang-kurangnya pada tiap-tiap empat bulan sekali dan Naqibulzakat daerah menghantarkan laporan tersebut kepada Naqibulzakat Johor (Fail No.J/UG7).

Rekod Fail No.J/UG7 menunjukkan semangat kesepakatan masyarakat kampung dalam menguruskan sekolah agama di negeri ini begitu terserlah apabila Guru Sekolah Agama Segamat telah menulis surat kepada Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama negeri Johor untuk memohon membina surau bagi kegunaan murid-murid belajar solat. Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor telah menulis surat kepada Pegawai Pendidikan Johor melalui surat bertarikh 26 Februari 1946 yang menyampaikan hasrat masyarakat kampung dan pihak sekolah untuk membina surau yang lebarnya 14 kaki dan panjangnya 16 kaki. Bahan binaannya tiang kayu bulat, lantai batang pinang, atap daun rumbia, dinding sekerat daripada kulit kayu. Perbelanjaan untuk membina surau ini ditampung sepenuhnya oleh masyarakat kampung.

Pentadbiran Pengambilan Pelajar

Rekod Fail No.JAJ (Pelajaran) 40/52 menunjukkan contoh dapatan pentadbiran pengambilan pelajar.Rekod JAIJ telah membuktikan bahawa Pejabat Pelajaran Agama Johor begitu mengambil berat isu ini bagi memastikan rakyat negeri Johor mendapat pendidikan agama yang sewajarnya. Sebagai contoh, berdasarkan rekod pada tahun 1958 Penolong Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor Utara telah menulis surat kepada Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor untuk memaklumkan bahawa Guru Sekolah Agama Seri Menanti Muar telah membuat permohonan untuk menerima pelajar baru seramai 31 orang. Perkara ini mendapat perhatian Pejabat Pelajaran Agama Johor untuk memastikan para pelajar tidak terlalu padat belajar dalam sesebuah sekolah. Oleh itu, Guru Pasukan Sekolah-sekolah Agama Parit Jawa Muar telah membuat laporan kepada Pemeriksa Sekolah Agama Johor agar menerima pelajar terbabit kerana keadaan sekolah mencukupi dan peralihan darjah murid berlaku dengan lancar (Fail No. JAJ (Pelajaran) 40/52).

Kewajipan Anak Negeri Johor Belajar Sekolah Agama Johor

Rekod Fail No.J/UG7 68/27 menunjukkan dapatan kewajipan anak negeri Johor untuk bersekolah agama. Buktinya, pada tahun 1927 kerajaan telah mengarahkan ‘English College’ yang kini dikenali Maktab Sultan Abu Bakar iaitu sebuah kolej bertaraf elit berpendidikan Inggeris yang menetapkan bahawa para penuntut di sekolah elit ini juga wajib belajar aliran agama iaitu perlu diadakan Sekolah Agama Petang. Oleh itu, seorang guru agama bernama Syed Abu Bakar diarahkan untuk mengajar di sekolah ini (Fail No. J/UG7 68/27). Malah berdasarkan rekod Fail No. Majlis Agama 5/33), pihak Majlis Agama telah bermesyuarat pada 19 April 1933 bagi membincangkan permasalahan terdapat lagi kanak-kanak dalam negeri Johor yang belajar di Sekolah Melayu tetapi tidak belajar di Sekolah Agama Petang. JAIJ begitu prihatin tentang kewajipan anak-anak negeri Johor yang diberikan pendidikan agama Islam yang menyeluruh agar masyarakat Melayu beragama Islam tidak jahil dalam ilmu agama. Hal ini dapat dibuktikan dengan laporan yang disediakan Guru Pelawat Sekolah-sekolah Agama Johor pada masa ini membuat perbandingan bilangan murid lelaki di Sekolah Melayu Negeri Johor seramai 8549 orang tetapi yang menghadiri sekolah agama hanya 3636 orang. Manakala, bagi murid perempuan yang bersekolah di Sekolah Melayu seramai 899 orang dan dan menghadiri Sekolah Agama hanya 277 orang. Justeru, Jabatan Agama mengarahkan agar pihak ibubapa dan Sekolah Melayu disarankan menghantar anak dan anak murid masing-masing untuk menghadiri Sekolah Agama Johor (Fail No. Majlis Agama 5/33).

Manakala rekod Fail No.J/UG7 JAJ menunjukkan pada tahun 1947, JAIJ telah memikirkan kebajikan masyarakat beragama Islam yang bertaraf miskin di kampung yang sepatutnya diberi perhatian khusus dalam pendidikan agama yang dikhuatiri kerana kemiskinan menyebabkan golongan ini keciciran dari mendapat hak untuk memperolehi pendidikan agama yang sempurna. Pelawat Sekolah Agama Johor telah melakukan pemantauan dan penyiasatan bagi memastikan para pelajar yang miskin di kampung dalam negeri Johor tidak tercicir. Menurut laporan pegawai yang telah memantau sebuah sekolah yang menampung para pelajar yang miskin di Batu 3 Johor Bahru pada 1 Disember 1947 mendapati seramai 20 orang kanak-kanak miskin tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Malah, pegawai mendapati bahawa guru tersebut tidak mengajar dengan bersungguh-sungguh kerana tidak menurut kaedah yang betul seperti yang ditetapkan JAIJ. Justeru, pegawai tersebut telah menetapkan kepada guru berkenaan untuk mengajar selama 2 setengah jam serta pengajarannya wajib mengandungi pengajaran kitab, mengajar mengaji muqaddam, mengajar menulis jawi dan menghafal surah-surah al-Quran. Pegawai berkenaan mendapati bahawa murid-murid miskin ini tidak mempunyai kitab dan hanya gurunya sahaja yang mempunyai kitab iaitu Kitab Pertolongan Kanak-kanak dan Risalah Jawi. Oleh itu, pegawai ini memohon agar Jabatan Agama memberikan kanak-kanak miskin ini setiap seorang kitab-kitab dan papan tulis untuk kanak-kanak ini belajar dengan sempurna. Manakala guru yang terlibat dinasihati mengajar dengan mengikut kaedah yang betul serta diberi latihan agar dapat mengajar dengan baik dan berkesan. Pegawai ini berjanji akan memantau keadaan sekolah ini agar gurunya mengajar dengan bersungguh-sungguh (Fail No.J/UG7 JAJ).

Darjah Khas Sekolah Agama Johor

Rekod Fail No.JAJ 1872 menunjukkan peringkat Darjah Khas merupakan peringkat lanjutan dan tertinggi bagi sukatan pelajaran Sekolah Agama Johor. Pelajar yang telah tamat sekolah agama dari Darjah 1 hingga darjah 6 layak untuk menyambung pengajian hingga ke Darjah Khas. Masyarakat negeri Johor yang mengambil berat berkenaan pendidikan agama Islam telah menyambut baik saranan Darjah Khas bagi memastikan rakyat negeri Johor mempunyai pengetahuan agama Islam yang mantap (Fail No. JAJ 1872).

Peranan Jawatan Pemeriksa Dan Penolong Pemeriksa Sekolah Agama Johor

Rekod Fail No.JAJ 1579 menunjukkan dapatan bahawa Jawatan Pemeriksa Sekolah Agama Johor merupakan jawatan yang penting dalam pentadbiran sekolah agama Johor yang merupakan pegawai yang bertanggungjawab terhadap Yang Dipertuan JAJ dalam mentadbir perjalanan sekolah ini. Manakala, jawatan Penolong Pemeriksa Sekolah Agama Johor merupakan jawatan yang disandang oleh beberapa orang pegawai yang bertanggungjawab membantu Pemeriksa Sekolah Agama Johor. Sebagai contoh, pada tahun 1961 Jawatan Pemeriksa Sekolah Agama Johor telah disandang oleh Tuan Haji Md. Salleh bin Haji Ahmad yang menggantikan Encik Talib bin Kasim yang telah berpencen. Manakala seramai 2 orang Penolong Pemeriksa Sekolah Agama telah dilantik iaitu Haji Md. Don bin Haji Abdullah dan Md. Amin bin Othman (Fail No. JAJ 1579).

4.0 KESIMPULAN

Walaupun merentasi modenisasi dan cabaran, kelangsungan pendidikan Islam di negeri Johor terus berkembang dan utuh sehingga kini disebabkan pengaruh Islam yang telah menjadi pegangan pemerintah dan pegawai agama negeri. SAJ terus megah sebagai entiti pendidikan rakyat yang unggul bagi memastikan bangsa Johor mendapat pendidikan agama Islam seawal usia dari peringkat kanak-kanak sehinggakan sekolah ini mampu melahirkan golongan cerdas pandai agama yang terus menyambung minat bidang pengajian Islam di Sekolah Arab, Maahad Johor, institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. SAJ telah menjadi panduan kepada negeri-negeri lain termasuk kerajaan Brunei Darussalam untuk mengikut contoh acuan negeri Johor dalam mengimarahkan sekolah agama di negeri masing-masing.

Rujukan

- Abdul Latif Juffri dan Jainal Sakiban al-Jauhari (2007), *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Johor*, MAIJ URUS Sdn. Bhd. : Johor Bahru.
- Fail JAJ (Pelajaran) 2/61, Guru agama yang bergaji dari bahagian zakat dan orang kampung dipohonkan jadi guru kerajaan.
- Fail No. J/KAD2 72/34, Rang keputusan pelajaran agama.
- Fail No. J/PBB1 112/17, Re-arrangement of the school hours the college affecting the English classes and the Koran class teaching.
- Fail No. J/UG7 (Naqibulzakat) 988/50, Mengadakan Skim bagi guru agama kampung.
- Fail No. J/UG7 68/27, Pelajaran agama di English College Johor.
- Fail No. J/UG7 JAJ (Pemeriksa Sekolah Agama) 148/47, Sekolah kanak-kanak miskin.
- Fail No. J/UG7 JAJ (Pemeriksa Sekolah Agama) 65/47, Perpindahan kelolaan sekolah Agama Johor ke Pejabat Agama.
- Fail No. J/UG7 JAJ Perjumpaan pegawai-pegawai Sekolah Agama lelaki dan perempuan Johor dalam (Pemeriksa Sekolah Agama) 167/49, Peraturan peperiksaan murid-murid sekolah Agama lelaki dan perempuan Johor.
- Fail No. JAJ (Pelajaran) 40/52, Menerima murid baru dan syarat-syaratnya.
- Fail No. JAJ 1579 (DUP), Jawatan Pemeriksa Sekolah Agama Johor.
- Fail No. JAJ 1872, Permohonan memasukkan murid-murid ke Darjah Khas Sekolah Agama Johor.
- Fail No. JAJ 2035, Dasar kerajaan berkenaan pelajaran agama sebelah petang.
- Fail No. Majlis Agama 5/33, Pelajaran agama bagi anak-anak orang Islam.
- Fail No. Menteri Besar 93/47, *Malay religious students abroad*.
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312H (1895), hlm. 20.